

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HGK 471 Geografi Wilayah ASEAN

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. (a) Apakah Perundingan Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC)?
(5 markah)
 - (b) Huraikan kepentingan kedua-dua pertubuhan itu dan kesannya kepada ASEAN.
(10 markah)
 - (c) Bagaimana pula ASEAN dapat mengukuhkan kedudukannya di dalam kedua-dua pertubuhan itu?
(10 markah)
2. Nilaikan sejauh mana sifat "kesatuan dalam kepelbagaian" ASEAN, menjadi teras dan juga penghalang kepada kerjasama sosio-ekonomi di kalangan negara-negara ASEAN.
(25 markah)
3. SAMA ADA
- (a) Kerjasama perindustrian ASEAN masih lagi di peringkat awal tetapi telah menampakkan kelemahan-kelemahannya dan juga arah keuntungan yang lebih kepada Jepun. Bincangkan.
(25 markah)

ATAU

- (b) Bagaimanakah kerjasama Jepun dengan negara-negara ASEAN yang telah bermula sejak sebelum tertubuhnya ASEAN itu dapat membantu kemajuan ekonomi ASEAN?

(25 markah)

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. SAMA ADA

- (a) i. Hasil keluaran pertanian tidak boleh menampung pembangunan ekonomi negara-negara ASEAN pada masa akan datang. Sejauh manakah ianya benar?

(15 markah)

- ii. Bincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor ini.

(10 markah)

ATAU

- (b) Pemodenan dalam sektor pertanian di negara-negara ASEAN dapat mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan sumbangannya kepada pembangunan ekonomi. Bincangkan dengan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

5. Pembangunan bandar-bandar baru di kawasan pembangunan wilayah telah dapat mengurangkan tumpuan penduduk ke bandar-bandar utama di negara-negara ASEAN. Bincangkan dengan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

6. Perkembangan sektor perindustrian adalah disebabkan oleh kegagalan sektor pertanian untuk membantu membangunkan ekonomi negara-negara ASEAN. Bincangkan.

(25 markah)